



Headline: Juruteknik rugi RM11,000, diperdaya dua kakitangan bank  
Language: Malay

Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 6 December 2021

Section: Nasional  
Page: 15

## Juruteknik rugi RM11,000, diperdaya dua ‘kakitangan bank’

**SEREMBAN** - Seorang juruteknik mengalami kerugian RM11,000 selepas diperdaya sindiket pinjaman tidak wujud oleh dua lelaki yang menyamar sebagai kakitangan sebuah bank, bulan lepas.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Negeri Sembilan, Superintendant Aibee Abdul Ghani berkata, mangsa berusia 40 tahun pada awalnya melayari internet untuk mencari laman sebuah bank tempatan pada 29 November lalu.

“Sebaik mangsa masuk ke

lamannya berkenaan, dia kemudiannya menekan satu pautan aplikasi WhatsApp **017-3708 518, 013-8252 146** untuk bertanyakan mengenai cara pinjaman wang peribadi bank berkenaan.

“Mangsa telah berurusan dengan dua individu yang memperkenalkan diri sebagai Jefri dan Maikel. Mereka mendakwa sebagai kakitangan bank tersebut dan akan menguruskan pinjaman yang dibuat mangsa sebanyak RM40,000,” katanya dalam satu kenyataan di sini pada Ahad.

Jelasnya, sindiket itu seterusnya meminta segala butiran pe-

ribadi sebelum mangsa menghantarnya melalui WhatsApp dan sindiket berkenaan juga meminta bayaran sebanyak RM2,000 untuk urusan *scoring*.

“Mangsa kemudian diminta membuat tiga pemindahan berjumlah RM2,000; RM4,000 dan RM3,000 dengan memberikan alasan supaya pinjaman dapat diluluskan. Mangsa juga diminta untuk membuat pembayaran sebanyak RM3,060 lagi untuk mengaktifkan akaun,” ujarnya.